Penyampai : DATO' SERI DR SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD ALI
Tajuk : MAJLIS MALAM SEKUNTUM MAWAR
Lokasi : DEWAN SERBAGUNA, UNIVERSITI MULTIMEDIA, CYBERJAYA
Tarikh : 30-10-2001

Saya amat bersyukur dan berterima kasih ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurniaNya saya dapat menghadiri majlis malam sekuntum mawar, majlis makan malam pertama anjuran Kelab Kebajikan dan Sosial setaf Universiti Multimedia. Saya juga amat berbesar hati kerana buat pertama kalinya saya dapat bersama- sama dengan para kakitangan Universiti Multimedia dari kedua-dua kampus Melaka dan Cyberjaya pada malam yang meriah ini.

2. Nama Universiti Multimedia yang terukir di kampus Melaka dan Cyberjaya sudah cukup ghairah pada pandangan dan perspektif masyarakat Malaysia. Rata-rata mengenalinya sebagai sebuah gedung ilmu yang masyhur menjurus dalam bidang multimedia dan Teknologi Maklumat. Seperti juga institusi-institusi pengajian tinggi yang lain, penumpuan di bidang kecemerlangan akademik semestinya diberikan keutamaan. Namun begitu, pihak Universiti sudah pasti tidak mengabaikan aspek- aspek kebajikan dan sosial para kakitangannya dan ini terbukti dengan tertubuhnya Kelab Kebajikan dan Sosial setaf ini.

3. Dengan adanya kelab ini, ia boleh dijadikan mekanisme untuk menyatu-padukan ahli serta meningkatkan pelbagai aktiviti di samping dapat mengeratkan kerjasama di kalangan para kakitangan tanpa mengira jawatan, bahagian dan fakulti. Kelab ini juga tentunya dapat memainkan peranan sebagai satu pertubuhan mewakili kakitangan Universiti dan mengharumkan nama MMU dalam apa jua aktiviti atau pertandingan di antara kelab-kelab yang berdaftar.

4. AKTIFNYA SESUATU KELAB ITU BUKANLAH DILETAKKAN SEPENUHNYA PADA JAWATANKUASA TETAPI AHLI-AHLI KELAB ITULAH YANG MEMAINKAN PERANAN SEBENARNYA SEBAGAI TUNGGAK DAN PENGGERAK AKTIVITI DENGAN MEMBERI IDEA DAN MEMBANTU MERANCANGKAN APA JUA AKTIVITI YANG DAPAT MEMBERI MANFAAT KEPADA SELURUH WARGA KAMPUS MMU.

SEKIRANYA RAMAI DI KALANGAN AHLI YANG KOMITED DAN JAWATANKUASA YANG BERWAWASAN, MAKA GABUNGAN USAHA KEDUA- DUA PIHAK PASTINYA DAPAT MERANCANG DAN MELAKSANAKAN PELBAGAI AKTIVITI.

5. SAYA YAKIN KEJAYAAN SEBENAR DATANGNYA DARI GABUNGAN DAN PENCAPAIAN DARI SATU BUDAYA DAN ETIKA KERJA YANG BERSUNGGUH SERTA BERDISIPLIN YANG MENJADI ACUAN BAGI MENINGKATKAN KUALITI DAN KECEMERLANGAN PERKHIDMATAN.

6. Saya yakin Malam Sekuntum Mawar ini mempunyai matlamat yang penting iaitu untuk mengeratkan tali silaturrahim serta meningkatkan semangat kerjasama yang kukuh di kalangan semua kakitangan Universiti. Majlis sebegini sudah tentu akan dapat membantu mewujudkan suasana kerja yang sihat dan ceria bagi semua warga MMU. Di samping itu, dengan adanya persembahan- persembahan berbentuk nyanyian, lakonan dan sketsa, saya percaya Malam Sekuntum Mawar ini juga akan dapat mendedahkan bakat-bakat terpendam serta bintang- bintang yang boleh digilap di kalangan para kakitangan Universiti untuk menyerikan lagi majlis-majlis keraian MMU pada masa-masa akan datang. Besarlah harapan saya agar aktiviti seperti Malam Sekuntum Mawar ini akan menjadi titik permulaan kepada lebih banyak lagi aktiviti-aktiviti yang bermanfaat untuk seluruh kakitangan MMU, bukan sahaja yang berbentuk hiburan malahan yang lebih penting lagi aktiviti-aktiviti yang dapat membina sahsiah dan moral para kakitangan.

7. Since its inception in 1996, the University has opened its doors to aspiring students and staff from all over the world, in line with its firm belief that a multi-cultural, multi-national campus is pivotal to the development of globalisation and the borderless era that the millennium holds.

8. Simultaneously, Multimedia University aspires to project its image as an international institution of academic excellence within this region and beyond.

9. However, let us not forget, that while we strive to remain competitive and attain the highest goals prefixed by the management, the University must hold steadfast to a credible, positive and vibrant work culture, which will become an essential precedent to many benefits within the organisation.

10. Part of this work culture includes inculcating an environment in which employees focus on building healthy relationships based on a willingness to learn about other people, be open-minded, talk through their differences and eliminate mistrust.

11. While the hectic day-to-day operations of the university may not warrant such a luxury, such an environment may be established through activities that are of a social nature and less demanding. Tonight's event is certainly one, which aims to achieve this and more.

12. It is a night where all staff can let their hair down, unwind from the pressures of their daily hectic schedules and acquaint themselves with each other on a totally different platform.

13. I have also been made to understand that on this auspicious occasion, several awards will be presented to some of our University's employees who have demonstrated an exemplary job performance.

14. The award categories include best academic staff, best executive staff, best non-executive technical staff, best non-executive general worker and best non- executive administration staff.

15. I am pleased that such recognition will be accorded to these employees in light of their outstanding efforts, dedication and commitment to the University. In the spirit of "Malaysia Boleh", the efforts undertaken by the management to boost employee morale is to be lauded.

16. It is imperative that management holds steadfast to the belief that a positive disposition and optimism in the work place among employees can be cultivated if employees are constantly reminded of their contributions, rewarded for excellent performance and made to feel appreciated.

17. A work culture which incorporates this will gain loyalty from its employees who will go all out to get the job done, and strive to overcome any barriers along the way. Nothing would seem too difficult to achieve with such positive reinforcement from their superiors.

18. Saya mengucapkan tahniah kepada semua penerima anugerah dari semua lapisan pegawai-pegawai dan pekerja- pekerja MMU atas khidmat mereka yang gigih dan cemerlang kepada MMU. Syabas! 19. In light of all this, it is indeed my pleasure to be here together with the staff from both the campuses of Melaka and Cyberjaya to bask in the joy of an evening as lovely as this. Malam Sekuntum Mawar should certainly leave some precious footprints in the annals of Multimedia University being the first of its kind.

20. It is my sincere desire that more events of this nature be pieced together in future to encourage healthy interaction among staff and to foster a spirit of harmony and goodwill in the workplace. I fervently believe that through this, employees will work better together, exuberate a high tolerance level and strive to achieve the organisation's objectives in a more effective and efficient manner.

21. Mengakhiri ucapan saya pada malam ini, adalah menjadi harapan saya agar majlis Malam Sekuntum Mawar ini akan dapat mencapai objektifnya dengan jayanya.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua penaja serta semua pihak yang telah terlibat dalam menjayakan Malam Sekuntum Mawar ini. Selain dari itu saya berharap agar semua yang hadir akan terhibur dengan persembahan-persembahan yang akan dipersembahkan di samping menikmati hidangan yang telah disediakan.